

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA
PROF. DATUK DR. SHAHRIN SAHIB @ SAHIBUDDIN, FASC
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN ALUMNI
JEMPUTAN SIDANG PERTAMA
ISTIADAT KONVOKESYEN KE-98**

**18 NOVEMBER 2023 | SABTU |1.00 TENGAH HARI
LOBI DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR
UiTM, SHAH ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, membolehkan kita untuk bersama-sama meraikan majlis pada hari ini.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih, dan tahniah kepada Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), khususnya Prof. Madya Datin Sri Dr. Nazura Mohamed Sayuti, Pengarah Pusat Jaringan Alumni, serta warga ICAN yang telah bekerjasama menjayakan **majlis Sambutan Alumni Jemputan Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen ke-98 ini.**

Hadirin sekalian,

3. Hari ini merupakan hari yang ke-17 saya berada di UiTM. Istiadat konvokesyen ke-98 ini merupakan istiadat konvokesyen kali pertama saya sebagai Naib Canselor. Melihat kegembiraan pada wajah-wajah graduan, dan ahli keluarga, saya diingatkan dengan impak dan nilai besar yang dicipta oleh universiti unggul ini, serta ikatan dan sokongan kukuh antara masyarakat dan UiTM.
4. Dalam ucapan sulung saya pada 3 November lalu, telah saya nyatakan bahawa apa yang kita nikmati hari ini tidak akan wujud tanpa perjuangan seluruh individu yang terdahulu sejak dari zaman sebelum merdeka yang membangunkan universiti bertuah ini. Mereka telah melihat kepada perlunya sebuah institusi yang dapat mendidik anak-anak bangsa menjadi seseorang yang berguna baik bagi dirinya, keluarga, masyarakat dan seluruh umat manusia.
5. Sesungguhnya, graduan, dan sekarang alumni yang dihasilkan, adalah pemegang taruh yang sangat bernilai.

Saya berasa amat berbangga untuk kongsikan bahawa **jumlah alumni UiTM** yang telah direkodkan **setakat 12 November 2023 pada jam 11.50 pagi** adalah seramai **711,616 orang.**

6. Penglibatan aktif alumni yang bukan sedikit ini, dengan keunikan dan kepelbagaian pengalaman, amat penting dalam menyokong memperkembangkan pembangunan mahasiswa dan universiti.

Hadirin yang dihormati,

7. Pada hari ini, saya benar-benar terharu dengan kehadiran seramai 8 orang alumni yang dilahirkan oleh Dewan Latehan RIDA dari tahun 1960 sehingga 1964. Mereka merupakan antara graduan Majlis Konvokesyen pertama Dewan Latehan RIDA pada 19 Disember 1964 yang mana tarikh keramat ini telah diangkat sebagai tarikh Hari Alumni UiTM.

8. Untuk makluman para hadirin juga, Allahyarham Dato' Onn Jaafar adalah pengasas dan juga penggerusi pertama Rural & Industrial Development Authority

(RIDA), yang mana beliau telah mencetuskan cadangan dan perancangan dalam pengwujudan latihan formal yang lebih sistematik yang akhirnya membawa kepada tertubuhnya sebuah Dewan Latehan RIDA pada tahun 1956. Sehubungan dengan itu, UiTM amat berbesar hati kerana salah seorang alumni yang bersama-sama kita pada hari ini, **YBhg. Dato Sri Mohamed Abid**, adalah legasi **Allahyarham Dato' Onn Jaafar** iaitu cucu kepada Allahyarham. Terima kasih saya ucapkan kepada semua alumni UiTM.

9. Kejayaan alumni UiTM telah banyak membantu membentuk reputasi, identiti dan imej hebat universiti dalam proses berpanjangan. Penglibatan alumni adalah bukti pembentukan legasi perjuangan UiTM sebagai sebuah universiti komprehensif.

10. Kebersamaan dan setiakawan sebagai warga UiTM yang dijiwai, baik dari ketika institusi ini dikenali sebagai Dewan Latihan RIDA, kepada Maktab MARA, kemudian menjadi Institut Teknologi MARA, dan kini Universiti Teknologi MARA, harus dicontohi generasi baharu.

Terus sematkan semangat UiTM di hati tuan puan sekalian. Peluang untuk menabur bakti sentiasa terbuka luas dan amat kami alu-alukan.

11. **“Pandanglah mimpi setinggi langit, namun tetaplah bersikap membumi dengan rendah hati”.** Sesungguhnya, kejayaan yang dikecapi hari ini sewajarnya dikongsi bersama pihak universiti dan warganya dalam apa jua bentuk sumbangan yang mampu diberikan.

12. Sumbangan ini tidak terhad kepada wang ringgit, malah sumbangan boleh dalam pelbagai bentuk seperti tenaga dan komitmen dalam setiap program yang dianjurkan oleh pihak universiti. Justeru, saya ingin mengajak alumni UiTM sekalian untuk melunaskan tanggungjawab zakat di UiTM melalui Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF).

13. Setiap sumbangan zakat yang saudara-saudari buat menerusi ZAWAF, akan memberi pulangan sebanyak 50% kepada pihak UiTM dan hasil pulangan ini akan

diagihkan kembali dengan cara membantu menambah baik infrastruktur university, di samping membantu mahasiswa dan warga UiTM yang memerlukan menerusi manfaat wakaf tunai.

14. Tidak lupa juga saya ingin menyeru para alumni untuk mendaftarkan diri di MyAlumni UiTM, jika masih belum berbuat demikian. Setiap pembelian menggunakan MyAlumni UiTM *Virtual Card*, layak menerima pelbagai tawaran menarik antaranya dari Malaysia Airlines, Firefly serta Mokti's, dan insya-Allah pada masa akan datang, akan ada lebih banyak tawaran lagi.

Hadirin yang saya hormati,

15. Komitmen jitu dari alumni dalam menyokong pihak universiti menjayakan program amatlah diperlukan bagi menjamin kemajuan dan kelangsungan sesebuah universiti.

16. Oleh itu, kehadiran tuan puan sebagai jemputan istimewa dalam perarakan alumni pada sidang pertama

setiap Istiadat Konvokesyen sangat kami hargai dan ini merupakan salah satu perantara untuk mengukuhkan jaringan sosial.

17. Untuk makluman, bersempena sambutan kali pertama Hari Alumni UiTM yang bakal berlangsung pada 19 Disember 2023 nanti, saya difahamkan beberapa aktiviti telah direncanakan oleh Pusat Jaringan Alumni, Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni.
18. Antaranya, program “**Jalan Othman Heritage Walk**” yang telah dianjurkan pada Oktober lalu. Program tersebut berjaya mengumpulkan seramai 73 peserta dalam kalangan alumni yang menamatkan pengajian di ITM Jalan Othman dari tahun 1965 hingga 1976.
19. Program ‘**UiTM Alumni Fun Run**’ yang berslogarkan ‘**Run for The Memories**’ turut diadakan pada bulan yang sama. Seramai 3,600 peserta terlibat, yang mana *flag off* dilakukan serentak di 13 kampus UiTM cawangan terpilih seluruh Malaysia.
20. Ribuan terima kasih kepada alumni yang telah

mendaftarkan dan mengikuti program yang telah dilaksanakan. Saya juga amat berharap agar dapat bertemu lagi dengan alumni hebat di hadapan saya dalam program yang akan datang.

21. Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat dalam memastikan kelancaran program ini dan seterusnya membantu menjayakan Majlis Istiadat Konvokesyen kali ini.

22. Semoga segala usaha yang telah diberikan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya dalam memperkasa generasi anak bangsa.

Sekian.

Wabillahi taufiq wal hidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh